



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT

KENYATAAN MEDIA AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT

APAD BANTU MANGSA DAN WARIS PELAJAR UPSI YANG TERLIBAT KEMALANGAN MAUT DI JTRB

KUALA LUMPUR, 03 Julai 2025 – Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) sedang giat membantu mangsa dan waris pelajar Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) yang terlibat dalam kemalangan maut di Jalan Raya Timur Barat (JRTB) dalam membuat tuntutan insurans kepada pihak yang terlibat.

Berdasarkan rekod APAD, 37 waris mangsa menetap di Terengganu, empat (4) di Kelantan, masing-masing seorang di Kuala Lumpur dan Johor. Pihak APAD telah mendapatkan bantuan dari pihak UPSI bagi membantu menghubungi semua mangsa atau waris bagi tujuan pengumpulan dan pengesahan maklumat berkaitan.

Pihak APAD juga memohon kerjasama mana-mana mangsa atau waris untuk menghubungi pegawai APAD, **Puan Ameera Mohd Ali** di talian **03-2603 6763** atau emel ameera@apad.gov.my bagi tujuan penyelarasan tuntutan insurans berkenaan. Selain itu, mangsa atau waris juga boleh berhubung terus kepada pejabat Cawangan APAD yang berhampiran untuk maklumat lanjut.

APAD menzahirkan rasa simpati dan dukacita di atas insiden yang melibatkan kehilangan 15 nyawa dan kecederaan kepada beberapa orang pelajar di dalam Bas Persiaran tersebut.

APAD komited dalam memastikan kebajikan mangsa serta waris sentiasa diberi perhatian yang sewajarnya melalui tuntutan kepada pihak insurans yang berkenaan. APAD juga sentiasa memantau aspek keselamatan operasi pengangkutan awam darat melalui pematuhan Keperluan Tahap Perkhidmatan termasuk syarat-syarat lesen yang wajib dipatuhi oleh semua pengendali.

AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT
3 JULAI 2025

TAMAT

Tentang APAD:

Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) merupakan agensi dibawah Kementerian Pengangkutan Malaysia yang berperanan dalam merancang program dan strategi berkaitan pengangkutan awam darat (rel dan jalanraya) bagi meningkatkan kecekapan sistem pengangkutan awam dan barangan melalui pengawal seliaan aspek pelesenan.

Pertanyaan Media

Agensi Pengangkutan Awam Darat

Tel +603 2603 6600 (Talian Umum)

+603 2603 6689 (Unit Komunikasi Korporat)

E-mail ukk@apad.gov.my